

Publication : **Kosmo**
Date : 17 April 2013
Section : Niaga
Page : 52
Headline : Projek Street Mall Berjaya Disiapkan

Projek Street Mall berjaya disiapkan



GAMBARAN artis mengenai projek pusat beli-belah Street Mall @ One South di Seri Kembangan, Selangor yang bakal beroperasi tidak lama lagi.

KUALA LUMPUR – Street Mall @ One South, projek pembangunan pusat beli-belah pertama milik Hua Yang Bhd. (Hua Yang) telah berjaya disiapkan.

Projek yang terletak di lokasi strategik di Seri Kembangan, Selangor itu dibangunkan oleh anak syarikat Hua Yang, Prop Park Sdn. Bhd.

Menurut Ketua Pegawai Kewangannya, May Chan berkata, pusat beli-belah itu dikelilingi projek bandar baharu yang sudah matang dan dilengkapi dengan pelbagai institusi pengajian tinggi dan kemudahan awam.

“Reka bentuk pusat beli-belah itu khusus untuk memenuhi keperluan pelanggan dan ia dilengkapi dengan pelbagai segmen seperti makanan, fesyen, kecantikan, penjagaan kesihatan dan pasar raya.

“Projek ini memiliki nilai pembangunan kasar RM950 juta dan ia merupakan fasa pertama daripada projek pembangunan yang menawarkan lot pejabat dan pusat beli-belah.

“Fasa pembangunan servis apartmen pula telah habis dijual,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.